

PENGUMUMAN SISTEM JANJI TEMU KLINIK

Untuk makluman, bermula 22 Februari 2021, 3 Klinik Kesihatan di Negeri Selangor telah dipilih menjadi klinik rintis menggunakan **Sistem Janji Temu Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (SJTKKM)** secara atas talian.

3 klinik kesihatan yang terlibat secara rintis adalah:

1. Klinik Kesihatan Batu 13 ½ Puchong, PKD Petaling
2. Klinik Kesihatan Kuang, PKD Gombak
3. Klinik Kesihatan Sungai Besar, PKD Sabak Bernam

Hanya 3 langkah mudah untuk menggunakan Sistem Janji Temu Klinik ini:

Langkah 1: Sila layari laman sesawang www.malaysia.gov.my untuk membuat pendaftaran kali pertama.

Boleh rujuk video di link <https://fb.watch/3wG0PejPtU/> untuk tatacara pendaftaran.

Langkah 2: Sila muat turun aplikasi 'Janji Temu Klinik' di dalam google playstore atau Apple Appstore atau melalui pautan link di bawah

Bagi pengguna android

<https://play.google.com/store/apps/details?id=my.gov.onegovappstore.janjitemuKKM>

Bagi pengguna IOS

<https://apps.apple.com/my/app/sistem-janji-temu-klinik-kkm/id1553424619>

Langkah 3: Mula buat tempahan mengikut jenis perkhidmatan, waktu dan masa yang diinginkan

Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

Klinik Kesihatan Kuang

1. Kes Ringan & *Walk In* (Pesakit Luar)
1. Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check Up)
2. Prosedur (cucian luka, tukar Ryle's Tube/ CBD dll.)
3. Saringan Pra Perkahwinan

Klinik Kesihatan Batu 13 ½ Puchong

1. Kes Ringan & *Walk In* (Pesakit Luar)
2. Prosedur (cucian luka)
3. Farmasi (Pengambilan Baki Ubat)

Klinik Kesihatan Sabak Bernam

1. Kes Ringan & *Walk In* (Pesakit Luar)
2. Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check Up)
3. Prosedur (cuci luka, tukar Ryle's Tube/ CBD dll.)
4. Farmasi (Pengambilan Baki Ubat)
5. Saringan Pra Perkahwinan
6. Saringan Kesihatan

PEMAKLUMAN SISTEM JANJI TEMU KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Perkhidmatan Sistem Janji Temu Klinik KKM adalah untuk kes-kes ringan dan walk in sahaja. Janji Temu penyakit kronik (diabetes, darah tinggi, asma, dll) dan janji temu kesihatan ibu anak (MCH) hendaklah mengikut janji temu klinik yang telah ditetapkan.
2. Bagi kes-kes kecemasan termasuk batuk demam dan selsema hendaklah segera mendapatkan rawatan tanpa menempah slot janji temu ini.
3. Pelanggan dibenarkan memilih mana-mana slot janji temu, selewat-lewatnya 1 jam sebelum masa dan tarikh janji temu yang dipilih. Pelanggan akan menerima peringatan (reminder) melalui emel dari aplikasi selewat-lewatnya 2 jam sebelum masa janji temu.
4. Pelanggan hanya perlu memilih slot yang dipaparkan sahaja.\
5. Bagi pelanggan yang ingin menukar atau membatalkan slot janji temu yang sudah ditempah boleh kembali merujuk kepada website/ mobile application untuk tempahan semula selewat-lewatnya 1 jam sebelum masa janji temu.
6. Pelanggan perlu hadir ke klinik sekurang-kurangnya 30 minit lebih awal untuk membuat pengesahan kehadiran (self check-in) sebelum waktu janji temu yang ditempah, bagi menjalani saringan (triage) di kaunter hadapan dan pendaftaran di kaunter sebelum konsultasi. Sekiranya pelanggan mempunyai gejala berkaitan dan tidak melepasi saringan, tempahan slot janji temu terbatal dan mesti mengikut arahan yang ditetapkan oleh pegawai bertugas untuk rawatan selanjutnya.
7. Pelanggan yang tidak mengikut waktu janji temu tidak akan diberikan slot baru dan perlu menempah slot pada hari berikutnya (sekiranya perlu).

Tarikh kemaskini : 24 Februari 2021